

Dagangan : AUTOMATIC THERMAL MASSAGER Nama Perdagangan : <i>Ceragem Master V3</i> Model : <i>CGM MB-1101</i>	Kod Tarif (Perintah Duti Kastam 2012) : 9019.10 000 Tarikh Kelulusan : 21 Februari 2017
---	---

Keterangan barangan :

Barangan merupakan alat urutan yang berbentuk seperti katil yang digunakan untuk memberi tungkuan dan urutan kepada sesiapa yang menggunakannya. Fokus tungkuan dan urutan diberikan kepada tulang belakang untuk membantu memberi kelegaan dan memperbaiki struktur tulang belakang.

Melalui penggunaan barangan ini ia dapat membantu pengguna untuk melancarkan aliran darah, mengaktifkan dan merangsang sistem saraf serta merenggangkan otot-otot tubuh.

Gambar barangan adalah seperti berikut:



Saiz barangan adalah seperti berikut:

Keadaan barangan:	Saiz
Apabila dibuka sepenuhnya	700mm x 2016mm x 450mm (+-5mm)- (W x L x H)
Apabila dipendekkan membentuk sofa	700mm x 1258mm x 450mm (+-5mm)- (W x L x H)

Material barangan terbahagi kepada 3 bahagian iaitu:

Frame : rangka barangan diperbuat daripada PVC dan besi.

Main-mat : kusyen utama yang mengandungi *roller*/roda batu jed digunakan untuk tujuan tungkuan dan urutan.

Sub-mat : pelapik bahagian kaki diperbuat daripada *foam*.

Barangan berfungsi menggunakan kuasa elektrik iaitu dengan kadaran 220-240V, 50/60Hz, 360VA.

Barangan beroperasi menggunakan alat kawalan untuk mengaktifkan mesin dengan 6 peringkat kekuatan tekanan urutan dan mempunyai 12 program urutan yang berbeza iaitu:

1. *Automatic Mode*
2. *Mode 1: The same mode as that of the existing automatic thermal massager*
3. *Mode 2: Promotes Relaxation*
4. *Mode 3: Promotes Stability*
5. *Mode 4: Promotes Circulation*
6. *Mode 5: Promotes Health*
7. *Mode 6: Promotes Energy*
8. *Mode 7: Promotes Concentration*
9. *Mode 8: Promotes Deep Sleep*
10. *Mode 9: Promotes a well balanced body*
11. *Semi-Automatic Mode: Area Repetition*
12. *Manual Mode: Thermal Pressure*

Menurut katalog barangan, kaedah urutan mesin ini menggunakan 5 prinsip perubatan alternatif Timur dan Barat iaitu:

Prinsip perubatan:	Penjelasan
<i>Moxibustion</i>	<i>Moxibustion is the application of heat to stimulate pressure points and increase blood circulation in order to promote the body's ability to heal itself and provide relaxation.</i>
<i>Finger Pressure</i>	<i>Finger pressure is a practise done by the hand to relieve compressed nerves and muscle tension. Stimulating your pressure points to relieve the compressed nerves allows the body to return to its natural, healthy rhythm.</i>
<i>Massage</i>	<i>It is one of the oldest forms of therapy known to relieve pain, relax the body, and stimulate blood circulation.</i>
<i>Chiropractic</i>	<i>Chiropractic is a leading alternative medicine with over 100 years of history that helps align the spine and relieve compressed nerves, thus promoting an overall, healthier body</i>
<i>Thermal Therapy</i>	<i>Thermotherapy applies radiant far infrared heat to relieve aches and pain and helps improve blood circulation.</i>

Barangan merupakan katil urutan yang boleh dilaraskan mengikut bentuk dan saiz badan serta boleh dijadikan sofa apabila tidak digunakan.

Daripada 12 mod program urutan yang telah diprogramkan, hanya 1 mod sahaja yang berfungsi untuk tujuan pemanasan iaitu mod 12. Selebihnya adalah mod urutan biasa yang berbeza kaedah. Ini menunjukkan fungsi *thermal pressure* adalah kurang penting.

Ketetapan:

Ketua Pengarah Kastam memutuskan barangan ini sesuai diperjeniskan m di bawah kod tarif **9019.10 000** sebagai **massage apparatus** berdasarkan fakta-fakta dan keterangan di bawah.

- Barangan merupakan *Automatic Thermal Massager* yang berfungsi dengan menggunakan kuasa elektrik.
- Fungsi utama barangan adalah membantu memberi kelegaan dan memperbaiki struktur tulang belakang sekaligus melancarkan aliran darah, mengaktifkan/merangsang sistem saraf dan merenggangkan otot-otot tubuh.

- Barangan ini mendapat liputan di dalam EN HS 2012 muka surat XVIII-9019-1 dan XVIII-9019-2 iaitu:

(I) MECHANO-THERAPY APPLIANCES

(II) MASSAGE APPARATUS

Apparatus for massage of parts of the body (abdomen, feet, legs, back, arms, hands, face, etc.) usually operate by friction, vibration, etc. They may be hand- or power-operated, or may be of an electro-mechanical type with a motor built in to the working unit (vibratory-massaging appliances). The latter type in particular may include interchangeable attachments (usually of rubber) to allow various methods of application (brushes, sponges, flat or toothed discs, etc.).

This group includes simple rubber rollers or similar massage devices. It also covers hydromassage appliances for all-over or partial massage of the body, using the action of water or a blend of water and air under pressure. Examples of these appliances include spa baths, presented complete with pumps, turbines or blowers, ducts, controls and all fittings; devices for massaging the breasts, using the action of water distributed by a series of small nozzles mounted inside a form fitted over the breast, and made to revolve by a stream of water introduced through a flexible tube.

The following are also regarded as massage apparatus within the meaning of this heading:- mattresses designed to prevent or treat bedsores by constantly varying the places at which the weight of the patient's body rests and also providing a superficial massage effect on tissues liable to necrosis.